

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.11 HINGGA NO. 58)

28. OCT 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 10)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 28.10.2015

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah ada sebarang pemantauan terhadap pusat pengajian tinggi swasta berkaitan harga barangan atau caj-caj perkhidmatan yang dikenakan kepada pelajar-pelajar melalui potongan PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semua institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang ditubuhkan di negara ini dikawal selia dan ditadbir urus mengikut Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Untuk makluman, pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional kepada pelajar institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) hanya untuk yuran pengajian dan saraan pelajar sahaja.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) hanya memantau yuran pengajian dan tidak memantau harga barangan dan caj-caj perkhidmatan secara langsung memandangkan ianya di bawah Kementerian lain. Walau bagaimanapun, KPT sentiasa bersedia bekerjasama dengan Kementerian/Agensi lain terutama melibatkan aspek kebajikan pelajar dan kakitangan di IPTS.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : RABU, 28 OKTOBER 2015

RUJUKAN : L3 [PR-1333-L70400]

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status terkini rancangan Kampung Baru Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) pada masa kini sedang meneliti semula Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu (PITPKB).

PKB telah mengenal pasti satu kawasan yang akan dikenali sebagai *Kampong Bharu City Centre* (KBCC) yang akan menjadi sebuah kawasan projek perintis yang dijangka akan menjadi pemangkin kepada pembangunan-pembangunan baru di Kampong Bharu. KBCC ini akan menempatkan bangunan-bangunan ikonik atau '*signature towers*' dilengkapi dengan kemudahan *mall*, pusat kraf tangan dan barangan serta pakaian tradisional Melayu. Kawasan *mall* akan dikendalikan oleh penyewa utama (*anchor tenant*) yang mungkin terdiri daripada '*departmental store*' bereputasi tinggi bagi menarik orang ramai ke kawasan pusat bandar ini.

Selain itu, PKB yakin bahawa sistem infrastruktur yang efisien akan membantu menjayakan sesuatu pembangunan hartanah. Untuk tujuan tersebut, PKB telah mengenal pasti cadangan untuk menaik taraf infrastruktur bagi laluan utama di kawasan Kampong Bharu seperti di Jalan Raja Abdullah dan cadangan pembinaan '*underpass* atau *tunnel*' serta sambungan ke Duke 2A. PKB juga membina laluan '*Elevated Pedestrian Link*' yang akan menghubungkan KBCC dengan KLCC pada jarak 350 meter. Berkaitan dengan itu, PKB akan mengadakan Kajian Impak Trafik dan Kajian Pasaran.

Pada masa ini, telah terdapat pemilik dan pewaris yang memberikan komitmen untuk membangunkan tanah mereka. Terdapat 2 projek pembangunan bercampur (*mix development*) yang telah siap dibina, 5 projek sedang dalam pembinaan dan 8 projek lagi sedang diproses oleh DBKL untuk kelulusan Kebenaran Merancang (KM).